

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan serta langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dalam membendung penyebaran wabak Virus Zika.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk mencegah penularan virus Zika, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengedarkan Zika Alert Dan Arahan Pentadbiran Untuk Pemantauan Dan Pengurusan Jangkitan Virus Zika kepada semua Jabatan Kesihatan Negeri, persatuan hospital dan makmal swasta serta Persatuan Perubatan Malaysia pada 4 Februari 2016. Antara langkah-langkah yang diambil oleh KKM bagi membendung penularan virus Zika adalah:-

- i. Meningkatkan pemantauan untuk jangkitan virus Zika.
- ii. Aktiviti kawalan bagi kes disyaki jangkitan virus Zika di tempat mereka tinggal semasa di negara ini. Kawalan vektor yang dilakukan adalah seperti kawalan wabak denggi.
- iii. Meningkatkan pemantauan kes *microcephaly* dan *Guillain-Barre Syndrome* akibat jangkitan virus Zika di hospital.

- iv. Memberi pendidikan kesihatan bagi kes yang disyaki jangkitan virus Zika seperti cara melindungi diri dari gigitan nyamuk dan menggunakan repelen serta memakai pakaian yang bersesuaian.
- v. Mengeluarkan garis panduan pemantauan dan respons di pintu masuk serta mengedarkan Nasihat Kesihatan ("Health Advisory") kepada pelancong dan rakyat Malaysia berkenaan langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya mempunyai gejala virus Zika.